

157735

4000009071

HADIAH



# PERSEPSI GURU TENTANG PENGURUSAN STRATEGIK DAN PENCAPAIAN AKADEMIK GABUNGAN KENINGAU,SABAH

ERCE ETOR DIUS

— PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2006



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**  
**BORANG PENGESAHAN STATUS @**

JUDUL : Persepsi Guru Tentang Pengurusan Strategik dan Prestasi Akademik Gabungan Keningau.

IJAZAH : Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan)

SESI PENGAJIAN : 2003 - 2006

Saya, **ERCE ETOR DIUS** mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. TIDAK TERHAD.

Disahkan oleh

(Penulis:ERCE ETOR DIUS)

Alamat Tetap:  
Kg.Labak Baru,  
Peti Surat 2466,  
89008 Keningau,  
Sabah.

Tarikh:06 Jun 2006

(TANDATANGAN RUSTAKAWAN)

(DR.SABARIAH SHARIF)

Tarikh : 11.07.2006

CATATAN: @ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).



## PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satu telah saya nyatakan sumbernya.

ERCE ETOR DIUS  
PS(2003)-006-064  
07 Julai 2006



**UMS**  
UNIVERSITATI MALAYSIA SARAWAK

## PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur saya kepada Tuhan Yang Maha Esa, yang telah melimpahkan berkat dan rahmatnya sehingga saya memiliki kekuatan untuk menyiapkan disertasi ini untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan kursus bagi memperolehi Ijazah Sarjana Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada penyelia saya iaitu Dr.Sabariah Sharif yang senantiasa memberikan tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang penulisan disertasi dijalankan. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Dekan, Timbalan Dekan, Penyelaras Program dan semua pensyarah Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial serta Dekan Pasca siszawah yang telah memberi tunjuk ajar sepanjang saya mengikuti kursus ini.

Pada kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas bantuan para pegawai di Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) dan Jabatan Pelajaran Negeri Sabah, Pejabat Gabungan Keningau yang memberi kepercayaan dan kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian. Penghargaan juga ingin saya rakamkan kepada pengetua dan guru-guru yang telah sudi memberikan kerja sama sepanjang kerja-kerja penyelidikan berjalan. Tidak juga dilupakan kepada rakan-rakan kumpulan VI Sarjana Pengurusan Pendidikan (PS 2003, UMS), yang banyak membantu serta dorongan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Akhir sekali, kepada isteri Pn. Roffina Henry, dan anak-anak tersayang Erina Eva, Reneila Eve dan Erceyana Dilla yang sentiasa memberikan dorongan dan semangat untuk menyiapkan disertasi ini. Semoga segala ilmu yang diterima dan diperolehi akan digunakan untuk kegunaan dunia dan akhirat.

## ABSTRAK

### PERSEPSI GURU TENTANG PENGURUSAN STRATEGIK DAN PENCAPAIAN AKADEMIK GABUNGAN KENINGAU

Tujuan kajian ini adalah mengkaji persepsi guru tentang pengurusan strategik dan prestasi akademik Gabungan Keningau. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah melalui borang soal selidik. Instrumen kajian mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A mengandungi latar belakang responden dan bahagian B mengandungi 23 item. Responden kajian ini adalah seramai 210 orang, yang terdiri daripada guru-guru sekolah menengah Gabungan Keningau yang terpilih dalam kajian ini. Sampel kajian adalah adalah menggunakan rawak berstrata. Sampel kajian ini diambil daripada tujuh buah sekolah di Gabungan Keningau. Kajian rintis telah dijalankan di dua buah sekolah menengah dengan jumlah responden 60 orang. Skor reliabiliti (alpha) keseluruhan bagi kajian rintis adalah ( $\alpha = 0.906$ ). Untuk menganalisis data, perisian SPSS 12.0 (*Statistical Package for Social Science*) telah digunakan. Dapatan kajian diterangkan melalui analisis deskriptif iaitu menggunakan min, peratusan dan jadual. Dapatan kajian melalui analisis deskriptif menunjukkan bahawa persepsi guru tentang pengurusan strategik dan pencapaian akademik Gabungan Keningau adalah pada min 3.00, iaitu pada tahap sederhana.

## ABSTRACT

### **TEACHERS' PERCEPTION OF STRATEGIC MANAGEMENT AND ACADEMIC ACHIEVEMENT IN KENINGAU DIVISION**

*This research is to observe the teachers perceptions of the strategic management and academic achievements in Keningau Division. The respondents of this research comprised of 210 teachers. Sets of questionnaires as methodology were used to measure the variables. The questionnaires were divided in two sets, set A consists of respondent background and set B consists of 23 items of questions. Research sample used stratified random sampling. A number of seven secondary schools were taken as sample in this research. Statistic descriptive analysis technique were used to analyze data using Statistical Package for Social Science (SPSS) 12.0 software. The mean of the overall findings was 3.00, which showed that teacher's perceptions of the strategic management and academic achievements in Keningau Division were in the middle level.*

## SENARAI SINGKATAN

%	=	Peratus
BPPDP	=	Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
<i>ICT</i>	=	<i>Information Communication Technology</i>
JNSP	=	Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan
JPN	=	Jabatan Pelajaran Negeri
KBSM	=	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	=	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KPM	=	Kementerian Pelajaran Malaysia
P&P	=	Pengajaran dan pembelajaran
PKENJ	=	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor
PNB	=	Perbadanan Nasional Berhad
PPG	=	Pejabat Pelajaran Gabungan
SPM	=	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	=	<i>Statistical Package For The Social Science</i>
STKP	=	Standard Tinggi Kualiti Pendidikan
SWOT	=	<i>Strength, Weakness, Opportunities, Threats</i>
SMK	=	Sekolah Menengah Kebangsaan
a	=	Alpha



## KANDUNGAN

Pengakuan	i
Penghargaan	ii
Abstrak	iii
Abstract	iv
Senarai Singkatan	vi
Kandungan	vii
Senarai Jadual	x
Senarai Rajah	xi

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
<b>1</b>	<b>PENGENALAN KAJIAN</b>	<b>1</b>
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Pernyataan Masalah	4
	1.4 Persoalan Kajian	6
	1.5 Objektif Kajian	7
	1.6 Hipotesis Kajian	7
	1.7 Lokasi Kajian	7
	1.8 Batasan Kajian	8
	1.9 Kepentingan Kajian	10
	1.10 Definisi Operasional	11
	1.10.1 Pengurus	11
	1.10.2 Pengurusan Strategik	12
	1.10.3 Kurikulum	12
	1.10.4 Amalan	13
	1.10.5 Sekolah	13
	1.10.6 Perancangan Kurikulum	13
	1.10.7 Visi Misi Sekolah	13
	1.10.8 Kemudahan Sekolah	14
	1.10.9 Pemantauan Pengurus	14
	1.10.10 Bimbingan Pengurus	14
	1.10.11 Sekolah Amat Berkesan	15
	1.10.12 Sekolah Tidak Berkesan	16
	1.10.13 Pencapaian Akademik	
	1.11 Kesimpulan	17



<b>2</b>	<b>TINJAUAN LITERATUR</b>	<b>18</b>
2.1	Pendahuluan	18
2.2	Pengenalan Istilah Strategik	18
2.3	Pengurusan Strategik di Malaysia	19
2.4	Pengurusan Strategik di Negara Barat	21
2.5	Pengurusan Strategik di Sektor Pendidikan	23
2.6	Model model Pengurusan Strategik	26
2.6.1	Fasa Pembentukan	27
2.6.2	Fasa Pelaksanaan Strategi	27
2.6.3	Fasa Penilaian dan Kawalan	27
2.6.4	Huraian Fasa-fasa	28
2.7	Model-Model Pengurusan Strategik	30
2.7.1	Model Pengurusan Strategik diubahsuai Dari Hizam Hanafiah	30
2.7.2	Model Pengurusan Strategik diubahsuai Dari Hofer	31
2.7.3	Model Pengurusan Strategik Hofer	32
2.7.4	Model Dasar Strategik Berasaskan Sekolah Sufean Hussin	34
2.7.4.1	Peringkat Penggubalan Dasar	34
2.7.4.2	Peringkat Pelaksanaan Dasar	35
2.7.4.3	Peringkat Penilaian Dasar	36
2.8	Model Pengurusan Strategik Diubahsuai Dari Intan	37
2.9	Faedah Pengurusan Strategik	38
2.10	Kerangka Kajian	38
2.11	Kesimpulan	39
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>40</b>
3.1	Pendahuluan	40
3.2	Reka Bentuk Kajian	40
3.3	Tempat Kajian	40
3.4	Sampel Kajian	41
3.5	Instrumen Kajian	43
3.5.1	Instrumen Kajian Soal Selidik	43
3.5.3	Skor Prestasi Akademik Peringkat SPM	44
3.6	Tatacara Pengumpulan Data	46
3.7	Penganalisisan Data	47
3.8	Kajian Rintis	48
3.9	Prosedur Kajian	50
3.10	Kesimpulan	51
<b>4</b>	<b>ANALISIS DATA</b>	<b>48</b>
4.1	Pendahuluan	
4.2	Data Responden	
4.3	Analisis Kebolehpercayaan Instrumen	



Melalui Kajian Kajian Rintis	49
<b>4.4 Analisis Deskriptif</b>	<b>50</b>
4.4.1 Bilangan Responden dan Peratusan Berdasarkan Jantina	50
4.4.2 Bilangan Responden dan Peratusan Berdasarkan Pengalaman Mengajar	51
4.4.3 Min dan Tahap Pencapaian	51
4.4.4 Analisis Soal Selidik	52
4.4.4.1 Persepsi Guru Tentang Visi Misi Sekolah	53
4.4.4.2 Persepsi Guru Tentang Pemantauan Pengurus	56
4.4.4.3 Persepsi Tentang Bimbingan Pengurus	57
4.6 Kesimpulan	59
<b>5 PERBINCANGAN,RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>60</b>
5.1 Pendahuluan	60
5.2 Ringkasan Kajian	60
5.3 Dapatkan dan Perbincangan Kajian	61
5.4 Cadangan Kepada Pihak Pengurusan Sekolah	62
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	64
5.6 Penutup	65
<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>66</b>
<b>LAMPIRAN</b>	
A Borang Soal Selidik	70
B Surat Pengesahan Gaya Bahasa dan Tatabahasa	76
C Surat Kebenaran Majalankan Kajian Daripada KPM	78



## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Jumlah Guru dan Pelajar Sekolah Kajian	8
1.2	Pencapaian Akademik Peringkat SPM Sekolah Kajian	9
3.3	Spesifikasi Item Soal Selidik	44
3.4	Prestasi Akademik Peringkat SPM	47
3.5	Tahap Pencapaian Akademik SPM	48
3.6	Pentarafan Sekolah	48
3.7	Data Deskriptif	50
3.8	Data Pemboleh ubah	50
3.9	Skor Reliabiliti Soal Selidik	53
3.10	Prosedur Kajian	55
4.1	Senarai Sekolah Kajian dan Jumlah Sampel Soal Selidik	56
4.2	Skor Reliabiliti (Alpha) Berdasarkan Aspek Kajian Soal Selidik	57
4.3	Pekali Kebolehpercayaan Cronbach Alpha Instrumen Kajian Soal Selidik	59
4.4	Bilangan Responden dan Peratusan Berdasarkan Jantina Soal Selidik	62
4.5	Bilangan Responden dan Peratusan Berdasarkan Jantina	63
4.6	Bilangan Responden dan Peratusan Berdasarkan Pengalaman Mengajar	64
4.7	Taburan Min dan Tahap Pencapaian	65
4.8	Skor Skala Likert	66
4.9	Persepsi Guru Tentang Visi Misi Sekolah	



- 4.10 Persepsi Guru Tentang Pemantauan Pengurus
- 4.11 Persepsi Guru Tentang Bimbingan Pengurus

## SENARAI RAJAH

NO RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Model Pengurusan Strategik Diubahsuai dari Hizam	30
2.2	Model Pengurusan Strategik Diubahsuai dari Hofer Dalam Zainal	31
2.3	Model Dasar Strategik Berasaskan Sekolah	34
2.4	Model Pengurusan Strategik Diubahsuai Intan	37
2.5	Kerangka Kajian	39
3.1	Rawak Persampelan Berstrata Kajian Soal Selidik	42



## BAB 1

### PENGENALAN KAJIAN

#### 1.1 Pendahuluan.

Seorang pengurus dalam organisasi dalam sesebuah organisasi merupakan tunjang kepada kekuatan dalam organisasi. Bagaimana pun dalam era globalisasi ini kecemerlangan organisasi tidak hanya bergantung kepada seorang pengurus tetapi juga banyak bergantung kepada semua warga sekolah untuk mencapai matlamat yang telah dirancang.

Organisasi yang berjaya adalah disebabkan adanya perancangan yang teratur disamping pemimpin organisasi yang dapat menggerakkan seluruh anggota di dalam organisasi ke arah kecemerlangan. Tanpa strategi, sebuah organisasi adalah seperti sebuah kapal tanpa nakhoda, yang berpusing-pusing dalam bulatan . Ia seperti kutu rayau yang tiada arah tujuan. (Hizam,2003).

Untuk memperkasa sesebuah organisasi pada masa kini bidang pengurusan strategik telah mendapat perhatian daripada pengurus-pengurus organisasi. Walaupun bidang ini telah lama bertapak dibidang perniagaan atau sektor swasta namun dalam dalam bidang pendidikan ianya merupakan bidang yang baru. Bidang pengurusan strategik mula diperkenalkan selepas Yayasan Ford dan 'Carnegie Corporation' membiayai satu penyelidikan tentang kurikulum sekolah perniagaan dalam tahun 1950an. Kajian tersebut telah di keluarkan oleh Gordon – Howell yang membuka minda kepada organisasi-organisasi lain untuk mengamalkan pengurusan strategik di dalam pengurusan.(Yaakub,1996). Pengurusan strategik yang pada mulanya hanya diamalkan dalam sektor perniagaan kini telah berkembang kepada sektor-sektor lain termasuk



dalam pendidikan. Banyak sekolah di negara barat mengamalkan pengurusan strategik sebagai satu 'alat' untuk mencapai matlamat sekolah.

Di jabatan-jabatan kerajaan juga kini telah mula menerapkan pengurusan strategik sebagai amalan di dalam pengurusan. Oleh yang demikian pengurusan strategik kini bukan hanya diamalkan oleh sektor swasta tetapi juga diamalkan oleh sektor kerajaan.

Pengurusan strategik meliputi aspek pengurusan, pemasaran, kewangan, perakaunan, pengeluaran, operasi, penyelidikan dan pembangunan sistem seperti sistem maklumat komputer untuk mencapai kejayaan bagi organisasi. (Hizam,2003).

Yaakob (1989) menyatakan bahawa pengurusan strategik adalah penting kepada para pengurus dan organisasi bagi menyediakan suatu rangka kerja bagi aktiviti organisasi yang boleh membawa kepada perjalanan dan gerak balas organisasi yang lebih baik.

## **1.2 Latar Belakang Masalah.**

Di sekolah, peneraju utama kepada kecemerlangan sekolah adalah pengetua atau guru besar, tetapi dalam perkembangan dunia pendidikan yang pesat pada ketika ini tidak mungkin seorang pengetua boleh berdiri sendiri untuk membawa sekolah lebih gemilang tanpa sokongan daripada guru-guru yang terdiri daripada ketua-ketua bidang, ketua-ketua panitia, ketua-ketua unit, dan guru-guru yang berpengalaman.

Peranan pengurus-pengurus di sekolah semakin penting selaras dengan perkembangan dunia pendidikan pada masa kini. Pengenalan mata pelajaran komputer, landskap dan nurseri, pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris antara



cabaran-cabaran baru yang perlu ditangani bersama antara pengetua dan guru-guru. Dalam bidang kurikulum contohnya ketua-ketua bidang dan ketua-ketua panitia bertanggungjawab sepenuhnya terhadap guru-guru di bawah seliaan mereka untuk melaksanakan segala program atau aktiviti yang telah dirancang bagi mencapai matlamat sekolah.

Dalam membuat perancangan atau '*Blue Print*' sekolah, pengurus-pengurus sekolah perlu melibatkan semua warga sekolah, kerana agen pelaksana kepada program yang dirancang adalah terletak dibahu pengetua dan guru-guru . Disamping itu, pada peringkat membuat perancangan pihak pengurus boleh mendapatkan idea dan cadangan daripada guru-guru. Pada asasnya, pengurusan strategik menjadikan proses pengurusan sesebuah sekolah itu bersifat proaktif dalam membina masa depannya. (Muhamad, 1997:36)

Menurut Musa (2001), selaku bekas Menteri Pelajaran Malaysia dalam buku yang bertajuk Pembangunan Pendidikan 2001-2010, menyatakan bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia dirancang selaras dengan hasrat Kementerian Pelajaran untuk melaksanakan semua teras Pembangunan Pendidikan yang merangkumi aspek aksesibiliti, ekuiti, dan kualiti serta kecekapan dan keberkesanan pengurusan pendidikan. Pembangunan pendidikan ini akan memberi tumpuan kepada pendidikan prasekolah dan rendah, pendidikan menengah, pendidikan tertiar, program sokongan, pengurusan, dan ICT dalam pendidikan. Kedaan ini menunjukkan bahawa untuk memartabatkan pendidikan di negara ini 'bertaraf dunia' maka perlulah pengurusan strategik diperingkat sekolah diberi perhatian oleh pengurusan sekolah.

Di peringkat Jemaah Nazir Sekolah, telah dipertanggungjawabkan untuk memastikan standard pendidikan di institusi pendidikan tercapai melalui penggunaan Instrumen Standard Tinggi Kualiti Pendidikan (STKP). Dengan adanya penarafan dan pemastian standard ini Jabatan Pelajaran dapat menyelia dan memantau keberkesanan institusi pendidikan. (Kementerian Pelajaran Malaysia,2001). Muhamad (1997) menegaskan, penekanan kepada amalan pengurusan kualiti dalam sistem pendidikan telah menjadikan pengetahuan dan kemahiran tentang pengurusan strategik menjadi lebih penting.

Segala perancangan yang dirancang sama ada di peringkat sekolah, jabatan atau Kementerian Pelajaran adalah menuju kepada matlamat yang sama untuk memperkasa sistem pendidikan di negara ini agar pelajar yang akan dikeluarkan dapat bersaing di peringkat global.

### **1.3 Penyataan Masalah.**

Dalam kajian ini, pengkaji ingin mengkaji persepsi guru tentang pengurusan strategik dan prestasi akademik Gabungan Keningau.

Menurut Drucker dalam Muhamad (1997) telah menggariskan peranan dan kepentingan pengurusan strategik dalam pengurusan sekolah seperti :

- Sekolah tidak dapat meramal dengan tepat tentang masa depannya, pengurusan strategik bukan alat untuk membuat ramalan tetapi, sebagai alat untuk memahami tentang masa depan.



- Menyediakan peluang penglibatan pelbagai lapisan pengurusan dalam proses pemikiran dan mengurangkan tekanan serta tentangan kepada sebarang perubahan yang dicadangkan.
- Menjadikan seseorang itu berperanan sebagai seorang pemimpin yang berwawasan jauh ke hadapan, bukannya sebagai seorang pengurus yang menumpukan kepada operasi jangka pendek.

Leslie dalam Wahab (1993:3) mengutarakan bahawa pengurusan strategik adalah satu proses pengurusan yang memberi tumpuan kepada aspek hala tuju dan prestasi jangka panjang sesebuah organisasi dengan cara memberi penekanan secara berterusan kepada operasi-operasi pelaksanaan strategi-strategi tertentu.

Fiddler dalam Marzita dan Sufean (2002:98) menyatakan bahawa terdapat enam ciri asas dalam pengurusan strategik:

- Mempersoalkan kedudukan matlamat sekolah
- Menyiasat kedudukan strategik sekolah
- Mengambil kira pengaruh persekitaran semasa dan persekitaran masa depan
- Memasukkan satu wawasan bagi mana sekolah harus beroperasi
- Merancang bagi tempoh jangka panjang dan
- Bersifat menyeluruh

Marzita et al.,(2002) menyatakan perbezaan yang paling ketara adalah bentuk tindakan pihak pengurusan. Pendekatan strategik adalah bersifat proaktif yang

mendahului perubahan dan tidak sekadar menunggu perubahan dijanakan oleh kuasa luaran.

Jelas, bahawa untuk mewujudkan konsep sekolah berkesan pihak pengurusan sekolah perlu menggerakkan seluruh ahli dalam sekolah untuk merealisasikan matlamat yang telah ditetapkan oleh sekolah. Pengurus sekolah perlu memberikan ruang kepada guru-guru dalam proses membuat keputusan dan memberi peluang untuk melaksanakan keputusan. Pengurus sekolah seharusnya lebih peka kepada perubahan persekitaran dan cekap untuk mengambil peluang. (Marzita et al.,2002)

#### **1.4 Persoalan Kajian.**

Persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

- 1.4.1 Apakah tahap persepsi guru tentang visi misi sekolah dan prestasi akademik Gabungan Keningau.
- 1.4.2 Apakah tahap persepsi guru tentang pemantauan pengurus dan prestasi akademik Gabungan Keningau.
- 1.4.3 Apakah tahap persepsi guru tentang bimbingan pengurus dan prestasi akademik Gabungan Keningau.
- 1.4.4 Apakah tahap persepsi guru tentang pengurusan strategik dan prestasi akademik Gabungan Keningau.

## **1.5 Objektif Kajian.**

Objektif kajian ini adalah;

- 1.5.1 Untuk mengukur tahap persepsi guru tentang visi dan misi sekolah dan prestasi akademik Gabungan Keningau.
- 1.5.2 Untuk mengukur tahap persepsi guru tentang pemantauan dan prestasi akademik Gabungan Keningau.
- 1.5.3 Untuk mengukur tahap persepsi guru tentang bimbingan pengurus dan prestasi akademik Gabungan Keningau.
- 1.5.4 Untuk mengukur tahap persepsi guru tentang pengurusan strategik dan prestasi akademik Gabungan Keningau.

## **1.6 Hipotesis kajian.**

Beberapa hipotesis telah dibina untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan-persoalan kajian. Hipotesis bagi kajian ini adalah seperti berikut:

- H<sub>01</sub> : Tidak ada perbezaan tahap visi misi sekolah dan prestasi akademik Gabungan Keningau.
- H<sub>02</sub> : Tidak ada perbezaan tahap pemantauan pengurus sekolah dan prestasi akademik Gabungan Keningau.
- H<sub>03</sub> : Tidak ada perbezaan tahap bimbingan pengurus sekolah dan prestasi akademik Gabungan Keningau.
- H<sub>04</sub> : Tidak ada perbezaan tahap pengurusan strategik dan prestasi akademik Gabungan Keningau.



## **1.7 Lokasi Kajian.**

Kajian ini dijalankan diempat buah daerah dalam Gabungan Keningau iaitu daerah Keningau, daerah Tambunan, daerah Sook dan daerah Tenom. Sebanyak tujuh buah sekolah daripada daerah-daerah tersebut telah dipilih untuk dijadikan sampel kajian. Guru-guru sekolah yang terpilih, dijadikan sampel kajian. Sekolah-sekolah ini dipilih kerana berada dipersekutaran sosio ekonomi yang sama, dan berada di bawah pentadbiran Pejabat Pelajaran Gabungan Keningau serta di bawah pentadbiran Jabatan Pelajaran Sabah.

Berikut adalah senarai nama sekolah yang menjadi lokasi kajian;

- Sekolah Menengah Kebangsaan A.
- Sekolah Menengah Kebangsaan B.
- Sekolah Menengah Kebangsaan C.
- Sekolah Menengah Kebangsaan D.
- Sekolah Menengah Kebangsaan E.
- Sekolah Menengah Kebangsaan F.
- Sekolah Menengah Kebangsaan G.

Dalam jadual 1.1 menunjukkan butiran berkaitan dengan jumlah guru dan jumlah pelajar bagi setiap sekolah yang dikaji.

### **1.7.1 Jumlah Guru dan Pelajar Sekolah Kajian.**

**Jadual 1.1: Jumlah Guru dan Jumlah Pelajar Sekolah Kajian, Tahun 2006**

Sekolah	Jumlah Guru	Jumlah Pelajar
SMK. A	87	1735
SMK. B	63	1232
SMK. C	65	1356
SMK. D	66	1437
SMK. E	53	907
SMK. F	77	1306
SMK. G	65	1200

**Sumber:** Pejabat Pelajaran Gabungan Keningau,(2006).

Jadual 1.1 menunjukkan jumlah guru dan pelajar sekolah kajian bagi tahun 2006, SMK. A jumlah guru 87 orang dan pelajar 1735 orang, SMK B jumlah guru 63 orang dan pelajar 1232 orang, SMK C guru 65 orang dan pelajar 1356 orang, SMK D guru 66 orang dan pelajar 1437 orang, SMK E guru 53 orang dan pelajar 907 orang, SMK F 77 orang dan pelajar 1306 orang, SMK G guru 65 orang dan pelajar 1200 orang.

### **1.7.2 Pencapaian Akademik Peringkat SPM**

Jadual 1.2 menunjukkan pencapaian akademik peringkat SPM bagi tahun 2004 dan 2005. Bagi tujuan kajian ini pengkaji hanya menggunakan pencapaian akademik 2005 untuk mengkaji persepsi guru tentang pengurusan strategik dan pencapaian akademik Gabungan Keningau.

**Jadual 1.2: Pencapaian Akademik Peringkat SPM Sekolah Kajian**

Sekolah	SPM 2004	SPM 2005
<b>SMK. A</b>	87 %	88.7%
<b>SMK. B</b>	84.8%	91.2%
<b>SMK. C</b>	55%	63.35 %
<b>SMK. D</b>	75%	79.3%
<b>SMK. E</b>	91.1%	94.6%
<b>SMK. F</b>	95%	97.2%
<b>SMK. G</b>	87.9%	89.3%

**Sumber: Unit Pengurusan Kurikulum,Jabatan Pelajaran Gabungan**

**Keningau,(2006).**

### **1.8 Batasan Kajian.**

Kajian ini hanya ditumpukan kepada tujuh buah sekolah menengah terpilih di Gabungan Keningau. Guru-guru yang mengajar tingkatan empat dan lima dijadikan sampel kajian.

Kajian ini hanya ditumpukan kepada visi misi sekolah, pemantauan pengurus, bimbingan pengurus sekolah. Oleh itu dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada perkara-perkara lain.

Dapatan kajian tidak menggambarkan kefahaman dan komitmen ketua pentadbir di peringkat daerah, negeri atau peringkat kebangsaan.

Oleh kerana kekangan masa untuk menyempurnakan penyelidikan ini maka hanya tujuh buah sekolah menengah yang telah dipilih oleh pengkaji.

Kajian ini hanya ditumpukan kepada persepsi guru tentang pengurusan strategik dan pencapaian akademik Gabungan Keningau.

### **1.9 Kepentingan Kajian.**

Kajian ini perlu dilakukan kerana kepentingan pengurusan strategik dalam pengurusan sekolah untuk meningkatkan lagi prestasi akademik para pelajar luar bandar. Adalah diharapkan kajian ini akan dapat memberi implikasi khususnya dalam pencapaian akademik pelajar-pelajar sekolah menengah di Gabungan Keningau. Hasil kajian akan dapat dimanfaatkan dan dijadikan rujukan kepada pengkaji-pengkaji lain yang berminat untuk meluaskan lagi kajian dalam bidang yang sama.

### **1.10 Definisi Operasional.**

Dalam kajian ini terdapat beberapa istilah yang telah digunakan dan perlu diperjelasan maksudnya mengikut maksud pengkaji.

#### **1.10.1 Pengurus Sekolah.**

Pengurus ialah pemimpin dan bukan sekadar “mengurus”.(Ensiklopedia Pengurusan,2002). Pengurus sekolah adalah terdiri daripada pengetua, penolong-penolong kanan, dan guru-guru kanan sekolah.